TEKS PERUTUSAN KHAS
SELAMAT HARI NATAL TAHUN 2023
DAN TAHUN BAHARU 2024
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Kita semua amat bersyukur kerana dapat merayakan Perayaan Hari Natal pada tahun ini dalam keadaan negeri Sabah yang sudah semakin baik dan mantap. Rakyat hidup dengan aman dan tenteram sehingga dapat menyambutnya dengan riang dan ceria. Saya berasa amat gembira kerana sekali lagi berpeluang mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada seluruh rakyat di negeri ini terutama sekali kepada mereka yang beragama Kristian.

2. Bersesuaian dengan sambutan ***Kota Kinabalu Christmas Celebration 2023 (KKCC 2023)*** kali ke-18 yang diadakan baru-baru ini dengan tema **"Krismas: Perpaduan dan Harmoni"**, marilah kita merayakannya dengan sikap mengukuhkan lagi semangat kekitaan dan perasaan muhibah. Sememangnya ia bertepatan dengan konteks kepelbagaian budaya dan etnik dalam masyarakat kita.

3. Di samping Perayaan Hari Natal, kita juga bakal menyambut tahun baharu 2024 yang akan tiba tidak lama lagi. Maka dalam kesempatan ini juga, saya dan isteri ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh rakyat jelata.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

4. Dalam melangkah ke tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama bersatu hati dengan tekad untuk menjalin dan meningkatkan

persefahaman serta mempergiatkan usaha demi mencapai kejayaan untuk terus memakmurkan negeri ini.

MENGEKALKAN PERSEFAHAMAN

5. Kita amat bertuah dapat hidup aman damai serta bebas daripada kekacauan kerana mengamalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Justeru, kita perlu terus mengekalkan persefahaman demi menjaga keharmonian antara sesama supaya setiap aspek pentadbiran dan pembangunan negeri ini termasuk politik, ekonomi dan sosial terjamin kukuh dan stabil. Semoga keharmonian dan keamanan yang disemai akan terus terpelihara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

MEMPERGIATKAN USAHA DAN MENANAM ILTIZAM

6. Dalam pada itu, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang ada setakat ini sehingga tidak mahu berusaha lebih gigih. Sebaliknya, kita perlu terus mempergiatkan usaha dengan mengoptimumkan segala sumber yang ada dengan sepatutnya sehingga mampu memajukan negeri ini ke tahap yang lebih baik dari sebelumnya.

7. Saya menyeru semua pihak agar menanam iltizam dan semangat baharu untuk berusaha dengan lebih kuat pada tahun hadapan berbanding pada tahun ini supaya kita mampu meningkatkan prestasi dan membangunkan negeri Sabah ke arah yang lebih baik. Asalkan kita sanggup berusaha lebih giat dan tidak mudah mengalah kita mampu melakukannya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI

8. Mengamalkan nilai-nilai murni serta membudayakannya adalah penting supaya tidak dicemari oleh unsur atau perkara negatif. Penghayatan nilai-nilai murni merupakan amalan baik yang mempertahankan nilai-nilai moral yang sepatutnya ada dalam sanubari seluruh rakyat. Dengan itu, ia dapat melahirkan insan yang unggul dan mempunyai jati diri yang cekal apabila menghadapi cabaran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

JALINAN KERJASAMA YANG BAIK

9. Sinergi antara Kerajaan Negeri, semua agensi dan rakyat adalah penting dalam mengekalkan keserasian dan kerjasama yang padu sehingga dapat memberi impak yang lebih baik kepada negeri Sabah. Melaluinya kita dapat berbuat yang terbaik kerana berada pada momentum dan di landasan yang betul ke arah

kemajuan negeri. Kita tidak akan mudah terpengaruh atau tergugat oleh mana-mana pihak jika kita sudah berada pada tahap yang terbaik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

UCAPAN PENGHARGAAN

10. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat kepimpinan, baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan serta seluruh rakyat atas usaha gigih dalam membawa negeri Sabah mencapai pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2023 ini.

11. Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, pasukan-pasukan keselamatan, agensi-agensi penguat kuasa, sektor swasta dan

semua pihak atas dedikasi dan sumbangan kepada kesejahteraan dan keamanan negeri ini. Semoga kita sentiasa berada di dalam rahmat dan lindungan Allah subhanahu wata'ala jua.

PENUTUP

12. Akhir kata, saya dan isteri serta seisi keluarga sekali lagi mengucapkan selamat menyambut Hari Natal kepada semua rakyat yang beragama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baharu 2024 kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini.

MERRY CHRISTMAS AND HAPPY NEW YEAR.

Sekian, terima kasih dan salam sejahtera.